

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9950

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah diambil Malaysia menangani serta membanteras aktiviti dan ideologi keganasan seperti Daesh, terutama dalam konteks rantau Asean sendiri, berikutan kejadian yang berlaku di Jakarta, Selatan Thailand dan Marawi, Filipina.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran secara tidak langsung telah meningkatkan potensi untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyusup masuk ke Malaysia.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau

media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

- (a) **mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti penganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (b) **kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan penganas ke Malaysia;**
- (c) **meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (d) **menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan penganas.**